

22/09/1999

Kakitangan awam mesti setia kepada kerajaan: Mahathir

KANGAR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kakitangan kerajaan bebas membuat pilihan pada pilihan raya akan datang, tetapi perlu setia kepada kerajaan yang dipilih untuk memerintah negara.

Perdana Menteri berkata, mereka juga tidak sepatutnya hanya setia kepada pemimpin tertentu, sebaliknya menunjukkan kesetiaan kepada kerajaan dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diserahkan kepada mereka.

Selain itu, katanya, mereka juga perlu mengekalkan tahap profesionalisme dalam menjalankan tugas bagi memastikan setiap rancangan kerajaan dilaksanakan untuk faedah rakyat, sekali gus mengelakkan keadaan huru-hara dalam negara.

Beliau berkata, sementara parti politik menjalankan tugas berkempen, pegawai kerajaan tidak sepatutnya terbabit dalam kempen dan tidak ada usaha untuk kempen dalam pejabat.

"Mereka berkecuali dalam kempen, walaupun bebas untuk mengundi siapa saja yang mereka pilih kerana undi itu adalah rahsia.

"Tetapi kempen dalam pejabat dengan memburukkan kerajaan akan menimbulkan kesangsian di kalangan anggota kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

"Dengan cara ini, kita dapat jamin siapa juga yang jadi kerajaan akan mendapat kesetiaan dan perkhidmatan yang baik dari pegawai dan jentera kerajaan kerana siapa juga yang menang tidak akan mengetahui sama ada pegawai itu mengundi mereka atau parti lain.

"Jika ada syak wasangka antara pemimpin yang jadi kerajaan dengan pegawai kerajaan, maka perjalanan pentadbiran tidak licin dan tidak datangkan hasil," katanya di majlis jamuan tengah hari dengan pemimpin masyarakat, parti dan kakitangan kerajaan di sini hari ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri gembira kerana pada masa ini tidak ramai kakitangan kerajaan terpesong daripada sistem pentadbiran negara dengan hampir semua pentadbir memegang kepada prinsip profesionalisme dan akur serta taat kepada kerajaan tanpa menyoal mengenai siapa yang patut menjadi pemimpin kerajaan.

"Dalam pilihanraya tidak ada siapa yang akan mengetahui siapa yang mendapat undi kita. Pada ketika itu kita boleh pilih orang lain yang kita suka.

"Tetapi dalam menjalankan tugas, kita tak boleh menyatakan pendirian kita, jauh sekali menggunakan kedudukan untuk mensabotajkan usaha dan dasar kerajaan," katanya.

Sementara itu, ketika merasmikan Maktab Perguruan Perlis (MPP) berharga RM55 juta, di Bohor Pulau dekat sini, Dr Mahathir meminta guru dan pensyarah supaya menanam rasa tanggungjawab kepada diri, bangsa dan negara kepada pelajarnya.

Katanya, selain ilmu untuk membangunkan negara, pelajar juga perlu diterapkan dengan daya tahan untuk mempertahankan kemerdekaan bagi kepentingan generasi akan datang.

Sehubungan itu, beliau meminta guru dan pensyarah menghentikan perbuatan menghasut pelajar membenci kerajaan yang bukan sahaja banyak berjasa kepada mereka, malah kepada pelajar.

"Tugas guru, pensyarah serta profesor ialah membekalkan pelajar dengan ilmu supaya mereka tidak lupa budi generasi lalu dan sebagai balasan mereka perlu memberi ilmu kepada generasi seterusnya.

"Kita perlu memastikan setiap pelajar bertanggungjawab untuk masyarakat

dan bukan hanya mencari kerja untuk sara hidup sendiri saja. Ia penting bagi mencapai hasrat kemerdekaan negara," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, pelajar masa kini berbeza dengan pelajar dulu yang mengutamakan pelajaran untuk memastikan mereka mampu membantu generasi akan datang.

Katanya, selain mementingkan diri sendiri dan mudah terpengaruh dengan pelbagai unsur negatif yang dibawa golongan pembangkang, budaya bersyukur terhadap sumbangan kerajaan membantu mereka makin berkurangan.

Dr Mahathir juga kecewa dengan sikap parti pembangkang yang terus menghasut pelajar membenci kerajaan dan mengganggu mereka daripada memberi tumpuan terhadap pelajaran melalui pendedahan politik parti.

Katanya, pelajar dijadikan alat untuk kepentingan mereka dengan menganjurkan pelbagai kegiatan yang kononnya untuk meningkatkan kesedaran Islam.

"Mereka mengadakan qiamulail dan kuliah subuh sehingga mengganggu pelajar yang tidak cukup tidur dan menjejaskan tumpuan terhadap pelajaran.

"Pelajar juga disuruh meninggalkan pelajaran dan masuk kampung untuk mempengaruhi penduduk menyokong parti mereka. Akibatnya pencapaian penuntut tidak menepati matlamat seperti yang dirancang dan dijangka oleh kita," katanya.

(END)